

MESYUARAT KETIGA, PENGGAJAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
2020

**HARI KHAMIS : 3 DISEMBER 2020**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO. 9 HINGGA NO. 47 )**

**[SOALAN NO 2 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO 36]**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ ARAU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah terdapat perbezaan tempoh pemakaian gelang kuarantin. Terdapat negeri yang bertindak memotong gelang tersebut setelah menerima keputusan negatif walaupun tempoh kuarantin 14 hari masih belum mencukupi, manakala negeri seperti Perlis, Kelantan dan Sarawak mewajibkan pemotongan gelang kuarantin hanya boleh dilakukan setelah selesai menamatkan tempoh kuarantin 14 hari.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, KKM ingin memaklumkan bahawa **tidak ada perbezaan** bagi tempoh masa kuarantin atau pemotongan gelang pengawasan di mana-mana negeri di seluruh Malaysia.
2. Kementerian Kesihatan Malaysia telah menetapkan mana-mana individu yang diletakkan di bawah pengawasan dan pemerhatian kerana risiko jangkitan COVID-19 akan **dikuarantin selama 14 hari dari tarikh akhir pendedahan** risiko dijangkiti penyakit COVID-19. Pengiraan hari pertama adalah hari terakhir pendedahan kepada risiko jangkitan, tanpa mengambil kira waktu ia berlaku.
3. Sebagai contoh, sekiranya seseorang individu tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dari luar negara adalah pada 1 November 2020 jam 8.00 malam. Hari pertama Home Surveillance Order (HSO) adalah dikira pada 1 November 2020 manakala hari ke-14 adalah pada 14 November 2020.
4. Contoh seterusnya yang boleh diberikan adalah bagi individu A yang merupakan kontak kepada seorang kes positif COVID-19 yang disahkan pada 5 November 2020 di mana individu A dilaporkan telah berjumpa dengan kes COVID-19 tersebut dalam satu mesyuarat pada 1 November 2020 iaitu **tarikh pendedahan**. Individu A ini disiasat oleh Pegawai Diberikuasa (PDK) pada 7 November 2020, maka tempoh HSO bagi individu A ini adalah dari 7 November 2020 sehingga 14 November 2020 iaitu **14 hari dari tarikh pendedahan (1 November 2020)**.
5. **Ujian kedua COVID-19 akan dibuat pada hari ke-13** dan jika **keputusan adalah negatif**, kontak akan diberikan **Pelepasan Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Kontak COVID-19 pada hari ke-14 dan gelang pengawasan akan dipotong**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bantuan kewangan dan pelan-pelan Kerajaan bagi membantu syarikat-syarikat penerbangan dan para pekerja syarikat penerbangan yang hilang kerja ketika pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**Yang Dipertua,**

1. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, penularan wabak COVID-19 telah menjejaskan industri penerbangan negara secara keseluruhannya meliputi syarikat penerbangan perkhidmatan penuh (*Full Service Carrier* - FSC) dan syarikat penerbangan perkhidmatan tambang murah (*Low Cost Carrier* - LCC).
2. Statistik menunjukkan trend penurunan permintaan penumpang domestik dan antarabangsa mulai 1 Mac 2020. Jumlah permintaan penumpang berkurangan daripada 280,321 sehari pada bulan Januari 2020 kepada 59,378 sehari pada bulan September 2020.
3. Berdasarkan semakan semula unjuran senario trafik penumpang Malaysia 2020, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) menjangkakan jumlah tempat duduk perkhidmatan penerbangan penumpang akan berkurangan kepada 26.6 juta – 29.7 juta bersamaan -

72.8% hingga -75.6% pada tahun 2020 (berbanding 2019 – 109.2 juta penumpang).

4. Dalam hubungan ini, syarikat penerbangan dijangka memerlukan tempoh masa 3 tahun untuk pulih sepenuhnya dari impak wabak COVID-19, tertakluk kepada situasi semasa penularan wabak tersebut di dalam dan luar negara.

5. Sebagai persediaan kepada pembukaan sektor pengangkutan udara, Kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (Februari 2020) telah bersetuju antara lain supaya Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) mengurangkan caj pendaratan dan parkir pesawat melalui mekanisme kontra.

6. Di samping itu, berdasarkan kepada saranan International Civil Aviation Organisation (ICAO), World Health Organisation (WHO) dan International Air Transport Association (IATA), semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula pada 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020, lebih banyak kelonggaran telah diberikan oleh pihak Kerajaan termasuk kebenaran untuk melakukan perjalanan rentas negeri dan pengecualian penjarakan fizikal dalam pesawat bagi semua perkhidmatan penerbangan berjadual dan tidak berjadual. Kelonggaran ini telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan penerbangan udara bagi sektor domestik.

7. Selain itu, MOT, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan syarikat penerbangan terus bekerjasama bagi meningkatkan kesedaran dan keyakinan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan penerbangan bagi menggerakkan dan memulihkan sektor pelancongan domestik.

8. Bagi maksud menggerakkan sektor pelancongan antarabangsa, Kementerian Pengangkutan mengalu-alukan usaha Kerajaan dalam melaksanakan konsep *travel bubble* ke beberapa negara seperti Singapura, Brunei, Thailand, Vietnam, New Zealand, Australia, Korea Selatan dan Jepun. Melalui konsep tersebut, penerbangan dan penumpang dari mana-mana negara yang berada dalam kategori hijau akan dibenarkan memasuki Malaysia tertakluk kepada SOP tertentu

seperti ujian saringan kesihatan yang ketat sebelum berlepas dan tiba di Malaysia perlu dipatuhi.

9. Dalam hubungan ini, cadangan *travel bubble* tersebut adalah tertakluk kepada rundingan yang sedang diadakan di antara Kementerian Kesihatan (MOH) dan Kementerian Luar Negeri dengan negara-negara terbabit.

10. Di dalam Pembentangan Bajet 2021 baru-baru ini, Kementerian Kewangan telah menyatakan bahawa Kerajaan akan menyediakan program latihan dan penempatan semula bagi 8,000 kakitangan dari syarikat penerbangan di Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM50 juta ringgit.

11. Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan akan bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia bagi merancang program latihan dan penempatan semula kakitangan dari syarikat penerbangan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 di Malaysia. Dalam hubungan ini, program peningkatan kemahiran dan latihan semula atau *reskilling and upskilling* akan dirancang untuk dilaksanakan dengan tumpuan kepada kebolehpasaran pekerja dan padanan pekerjaan. Program ini akan membantu meningkatkan peluang pekerjaan bagi kakitangan syarikat penerbangan yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [ BESUT ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [ BESUT ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah progres terkini projek pembinaan High Dependency Ward di Hospital Besut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Projek Pembinaan *High Dependency Ward* di Hospital Besut telah pun berada dalam **fasa pembinaan.** Kontraktor telah memasuki tapak pada 11 Ogos 2020 dan kemajuan kerja fizikal ditapak bina sehingga November 2020 adalah sebenar 5.95% berbanding jadual 5.10% iaitu sebanyak 0.85% mendahului jadual.
2. Ditapak binaan, pihak Kontraktor telah selesai melaksanakan **kerja-kerja awalan projek seperti memasang papan tanda projek, membina pagar tapak projek (hoarding) dan menyediakan pejabat tapak projek.** Buat masa ini, pihak Kontraktor telah memulakan **kerja-kerja struktur seperti penyediaan rasuk tanah (ground beam).**
3. Pihak Kementerian memantau rapi projek ini agar ianya dapat disiapkan mengikut tarikh yang telah jadualkan iaitu pada **8 Ogos 2022.**

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]**

**TARIKH : 3 DISEMBER (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa jumlah pelaburan baru masuk ke Malaysia sejak Mac 2020 dan berapa jumlah pelabur yang keluar atau menamatkan pelaburan ke Malaysia pada tempoh yang sama sehingga kini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Bagi tempoh Mac sehingga September 2020, sebanyak 1,053 projek perkilangan dan perkhidmatan di bawah pemantauan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM61.7 bilion. Daripada jumlah keseluruhan itu, sebanyak RM57.9 bilion adalah daripada sektor perkilangan dan RM3.8 bilion adalah daripada sektor perkhidmatan. Untuk makluman, sebanyak RM44.0 bilion atau 71.3% merupakan pelaburan baharu, manakala RM17.7 bilion atau 28.7% disumbang melalui aktiviti pembesaran dan pempelbagaian.
2. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan itu juga, pelaburan langsung tempatan (DDI) menyumbang sebanyak 40.5% atau RM25.0 bilion, manakala pelaburan langsung asing (FDI) menyumbang sebanyak 59.5% atau RM36.7 bilion.

**Tuan Yang di-Pertua,**

3. Terdapat 13 syarikat perkilangan telah menutup dan menamatkan operasinya di Malaysia dalam tempoh Mac sehingga September 2020. Syarikat-syarikat ini melibatkan pelabur dari Amerika Syarikat, Perancis, Belgium, Singapura, Hong Kong dan Malaysia.
4. Penutupan syarikat-syarikat perkilangan ini didorong oleh pengurangan permintaan disebabkan persaingan yang sengit di antara pengeluar dalam kalangan produk yang sama, peningkatan dalam kos operasi dan ketidakpastian pasaran ekonomi global akibat kesan langsung wabak COVID-19.

**Tuan Yang di-Pertua,**

5. Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sentiasa memastikan dasar-dasar domestik terus menyokong pertumbuhan ekonomi negara terutamanya dalam meningkatkan kadar FDI dan DDI dengan mengambil pendekatan berterusan dalam memastikan

Malaysia mempunyai ekosistem pelaburan yang stabil, kondusif dan dinamik dalam jangka masa panjang dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- a) menggalakkan pelaburan asing dan tempatan dalam sektor berteknologi tinggi, perkilangan, kreatif dan ekonomi baharu. Sehingga September 2020, Kerajaan sedang menilai projek-projek pelaburan sebanyak RM54.0 bilion dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Di samping itu, MITI melalui MIDA melaksanakan sesi-sesi libat urus secara berterusan melalui pejabat-pejabat MIDA luar negara dalam usaha untuk menarik projek-projek pelaburan berprofil tinggi. Setakat ini, MIDA telah mengenalpasti projek-projek dengan potensi pelaburan bernilai RM75.4 bilion daripada pelabur asing dari pelbagai negara yang disasar bagi tahun 2020 dan 2021 seperti Jepun, Amerika Syarikat, Jerman, Belanda, Korea Selatan, China, United Kingdom dan Taiwan;
- b) menganjurkan dan mengambil bahagian dalam pelbagai program penggalakan pelaburan terutamanya yang dilakukan secara maya menerusi kerjasama bersama dewan perniagaan, institusi perbankan dan komuniti perniagaan antarabangsa;
- c) menyediakan *media blitz* dalam bentuk artikel, iklan, advertorial, *banner*, video dan lain-lain, secara cetakan dan digital, bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan di Malaysia; dan
- d) menubuhkan *Project Acceleration and Coordination Unit* (PACU) di MIDA untuk mempercepat kelulusan permohonan dan pelaksanaan projek pelaburan di Malaysia. Antara komponen penting PACU adalah seperti berikut:
  - i) kelulusan Lesen Pengilangan secara *fast track* melalui platform digital *e-Manufacturing Licence* (e-ML) untuk industri yang tidak sensitif dalam tempoh dua (2) hari bekerja;
  - ii) penambahbaikan Jawatankuasa Pengecualian Cukai (JPC) *Online Application Module* bagi permohonan pengecualian duti import;

- iii) penambahbaikan proses permohonan untuk mendapatkan insentif cukai melalui platform digital *e-incentive* bagi aktiviti pembuatan am dan syarikat berskala kecil yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986; dan
- iv) penubuhan Pusat Sehenti (OSC) pada 2 Oktober 2020 yang dikendalikan MIDA bersama wakil dari Jabatan Imigresen, Kementerian Kesihatan dan MITI untuk menilai permohonan dan memastikan kesahihan status kesihatan pengembara atau pelawat perniagaan sebelum dibenarkan masuk ke Malaysia dan sekaligus memainkan peranan penting untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi serta memastikan ekonomi Malaysia terus stabil dan mampan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

6. Kerajaan Malaysia komited dalam usaha memulihkan semula ekonomi yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19, sekaligus mengekalkan negara ini sebagai destinasi pilihan utama khususnya bagi projek-projek pelaburan domestik dan asing yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI  
SALLEH [PASIR PUTEH]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang akan dilakukan oleh Kementerian untuk mengelakkan rezab Skim Insurans Pekerjaan (SIP) yang dijangka akan mampu bertahan sehingga 2030 sahaja berdasarkan peningkatan jumlah pekerja yang hilang pekerjaan mencecah 4.0% pada suku tahun ketiga 2020 berbanding 3.3% pada tahun 2019.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 perlu mempunyai keupayaan *fleksibel* untuk menangani sebarang kemungkinan kejutan ekonomi.
2. Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi PERKESO adalah dengan menjalankan kajian terperinci dan kajian Aktuari setiap tiga (3) tahun bagi memastikan rezab Skim Insurans Pekerjaan (SIP) berdaya tahan. Kementerian menerusi PERKESO sentiasa memperhalusi situasi dan cabaran semasa bagi memastikan kebolehpayaan (*sustainability*) dana rezab kumpulan wang SIP.
3. Selain daripada itu, pelaksanaan dasar pasaran buruh aktif juga sentiasa diperhalusi agar dapat digunakan berdasarkan waktu yang bersesuaian. Sejak dua (2) tahun SIP dilaksanakan, rezab kumpulan wang SIP masih mampu menampung dan berdaya tahan.
4. Kementerian juga akan mendapatkan nasihat daripada pakar berhubung dengan kemampuan dana SIP daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*ILO*) bagi memastikan kelangsungan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI (JELUTONG)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [ JELUTONG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah projek naik taraf berek atau 'quarters' Polis Diraja Malaysia di Jelutong, Pulau Pinang di jangka bermula.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerja-kerja naik taraf kuarters PDRM di bawah Daerah Timur Laut ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2019. Penyiapan projek sedikit terjejas ekoran daripada pandemik Covid-19 dan berdasarkan perancangan terkini, kerja-kerja pembaikan ini dijangka siap secara berperingkat mulai November 2020 sehingga Mac 2021.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]** minta **MENTERI ALAM  
SEKITAR DAN AIR** menyatakan :-

(a) apakah kerja pendalaman Sungai Rajang (dari Kapit ke Sarikei) dan Batang Igan bagi mengelakkan banjir kilat disenaraikan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) dan bilakah jangkaan pelaksanaannya; dan

(b) apakah langkah-langkah Kementerian untuk menyelesaikan masalah banjir kilat sekiranya projek tersebut tidak disenaraikan dalam RMK-12.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja pendalaman penyelenggaraan sungai adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan membantu dalam bentuk projek-projek kecil di bawah program pemuliharaan sungai di negeri-negeri yang mempunyai masalah banjir.

2. Namun demikian, perkara ini tertakluk kepada tahap kritikal isu masalah banjir di tempat berkenaan. Memandangkan peruntukan yang



## **NO. SOALAN : 15**

terhad, keutamaan perlu ditentukan agar tempat-tempat yang kritikal diberi perhatian dahulu. Penilaian ini akan dilakukan oleh JPS Sarawak.

3. Pendalaman dan menaiktaraf kapasiti saluran sungai serta meningkatkan takungan untuk mengurangkan banjir akibat limpahan sungai, adalah merupakan projek pembangunan dan ini adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

4. Projek yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bintulu, adalah projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sibu Fasa 3, Lembangan Batang Rajang, Sarawak. Projek ini bertujuan mengurangkan masalah banjir di bandar Sibu. Untuk makluman, projek ini sedang dalam pelaksanaan dengan status kemajuan di tapak adalah 33.4% sehingga pada 9 Oktober 2020 dan akan diteruskan dalam RMKe-12.

5. Kementerian melalui JPS telah memohon peruntukan dalam RMKe-12 untuk pelaksanaan Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) Fasa 2 yang melibatkan lembangan Batang Rajang dan juga kajian Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) Fasa 2 bagi Sungai Rajang. Skop bagi kajian Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) Fasa 2 ini merangkumi skop perkhidmatan perunding (kajian dan kerja ukur), kajian perancangan dan penyediaan Pelan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM Plan) dan kajian keadaan sungai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L  
ARULANANDRAM [ KUALA LANGAT ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kemudahan bas awam dari LRT Putra Heights dan Putrajaya Sentral ke Bandar Saujana Putra telah dihentikan sejak pelaksanaan PKP. Mohon Menteri Pengangkutan untuk menjelaskan sama ada perkhidmatan bas ini akan dijalankan semula dalam masa terdekat supaya tidak menyusahkan penduduk Bandar Saujana Putra.

**JAWAPAN**

**Yang Di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pengendali sedia ada bagi perkhidmatan bas berhenti-henti Bandar Saujana Putra-LRT Putra Height-Putrajaya telah pun menghentikan perkhidmatannya dan telah membuat keputusan untuk tidak lagi meneruskan perkhidmatan di laluan tersebut.
2. Sehubungan dengan itu Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) kini sedang berusaha dengan menawarkan kepada pengendali-pengendali yang berminat untuk menyediakan perkhidmatan di laluan yang telah dihentikan ini bagi memenuhi keperluan penduduk.
3. Untuk jangka masa pendek APAD telah pun mengeluarkan Lesen Perubahan Sementara kepada sebuah syarikat pengendali bas untuk menyediakan perkhidmatan bermula 25 November 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB  
[TANJONG MANIS]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan status pembinaan klinik kesihatan di Kampung Semop di Pulau Bruit, Tanjung Manis yang sepatutnya ditender semula pada bulan Ogos 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk di negeri Sarawak.

2. **Projek Klinik Kesihatan (Jenis 6) Dengan Kuarters Semop telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tahun 2014.** Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR Sarawak) dan telah memasuki fasa penilaian tender. **Projek ini telah ditender semula pada 12 September 2020 dengan tarikh tutup tender pada 5 Oktober 2020. Surat Setuju Terima (SST) pula dijangka dikeluarkan pada Februari 2021. Jangkaan tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama 24 bulan.** Berdasarkan perancangan semasa, **projek dijangka siap pada tahun 2023** dan projek ini menggunakan rekabentuk *Pre-Approved Plan* (PAP) JKR Malaysia.

3. Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar. Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini agar projek-projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan aktiviti-aktiviti pembinaan bagi mengelakkan kemalangan seperti insiden kepingan konkrit jatuh semasa pembinaan SUKE di atas MRR2 pada 19 September 2020.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalankan siasatan kes kemalangan tersebut. Susulan itu, JKKP telah mengambil tindakan, antaranya seperti berikut:

- a) Mengeluarkan **Notis Larangan kepada majikan bagi menghentikan kerja-kerja pemasangan tembok parapet** bagi projek pembinaan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi – Ulu Kelang (Suke) dan lain-lain tapak projek yang menjalankan aktiviti serupa.
- b) Mengarahkan pihak majikan mengemukakan reka bentuk penyokong sementara parapet yang diperakui oleh Jurutera Profesional,

pernyataan kaedah dan Prosedur Kerja Selamat (SOP) bagi aktiviti pemasangan parapet.

2. Sebagai langkah penambahbaikan berterusan untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dan seterusnya mengurangkan insiden seperti ini, JKPP telah dan sedang melaksanakan tindakan jangka masa panjang seperti berikut:

- a) **Menggubal dan menambahbaik perundangan** berkaitan sektor pembinaan termasuk cadangan pindaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, supaya kekal relevan dan sesuai dengan kehendak semasa;
- b) **Menggalakan pemakaian Garis Panduan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Industri Pembinaan (OSHCIM) 2017**. Garis panduan ini menitikberatkan **tanggungjawab semua pihak iaitu pemunya, perekabentuk dan pembina atau kontraktor di awal peringkat pembinaan sehinggalah ke peringkat perobohan**, untuk mengenalpasti dan mengawal risiko KKP bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini. Garis Panduan ini juga sedang diusahakan untuk dinaik taraf menjadi peraturan yang wajib dipatuhi oleh semua pemain industri pembinaan.
- c) **Membangun dan melaksanakan Pelan Induk KKP Negara 2021 – 2025** (OSHMP 2025), yang merupakan kesinambungan pelan induk sebelum ini, OSHMP 2020, antara lain bertujuan meningkatkan penglibatan semua pihak untuk mengurangkan kadar kemalangan pekerjaan termasuk di sektor pembinaan.
- d) Mengadakan **operasi penguatkuasaan secara berkala** di tapak pembinaan seluruh negara, serta **memberi penumpuan penguatkuasaan** di sektor pembinaan untuk memastikan keselamatan pekerja dan orang awam. Bagi tempoh Januari hingga November 2020, sebanyak **12,955** pemeriksaan tapak pembinaan telah dijalankan oleh JKPP;

- e) Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2020, JKPP telah mengambil pelbagai tindakan punitif ke atas ketidakpatuhan perundangan KKP di sektor pembinaan, iaitu:
- i. **3,520** surat arahan telah dikeluarkan;
  - ii. **1,156** notis perbaikan dan **1,986** notis larangan telah diberikan;
  - iii. **303** kompaun berjumlah **RM528,500** telah dikenakan; dan
  - iv. 63 kes pendakwaan telah selesai, dengan penalti berjumlah **RM939,500**.
- f) Meningkatkan pemantauan tapak pembinaan oleh Safety Patrol Unit JKPP pada waktu siang dan malam;
- g) Menjalin kerjasama dengan agensi berkaitan industri pembinaan seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM); pihak berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL); pemunya projek seperti PROLINTAS; serta badan profesional seperti Lembaga Jurutera Malaysia (BEM); untuk meningkatkan tahap KKP di industri pembinaan.
- h) Ringkasnya, sekiranya majikan, pekerja dan semua pihak berkepentingan melaksanakan peranan mereka secara efektif, ianya akan membentuk dan memperkukuh lapisan-lapisan perlindungan yang mampu mengelakkan kegagalan sistem KKP dan sekaligus mencegah kemalangan pekerjaan.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT  
(LUBOK ANTU)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [ LUBOK ANTU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan membentuk satu pasukan keselamatan khas untuk mengawal pos kawalan di sempadan, supaya memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Pasukan Gerakan Am (PGA) PDRM dipertanggungjawabkan untuk mengawal pos-pos kawalan keselamatan di sempadan negara. Disamping itu, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) juga turut mempunyai peranan yang sama dalam mengawal pos kawalan di sempadan. Bagi memperkukuhkan lagi penguatkuasaan dan pengawalan keselamatan di sempadan, PDRM turut menerima kerjasama dan bantuan daripada agensi-agensi bantuan tempatan seperti Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Pasukan Sukarelawan Polis.

Justeru itu, Kementerian berpandangan dengan menggunakan sumber kekuatan anggota sedia ada telah memadai dan masih belum bercadang untuk membentuk satu pasukan keselamatan khas baharu untuk mengawal pos-pos kawalan keselamatan di sempadan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
[SEGAMBUT]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini rancangan mewujudkan pengkalan data khas kes bunuh diri (National Suicide Registry Malaysia) bagi memastikan data terperinci direkodkan, peruntukan yang diperlukan, jumlah kes bunuh diri dan tren terbaharu kes kesihatan mental yang direkodkan di Malaysia sejak Mac 2020.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membentangkan kertas cadangan pembangunan **Sistem Registri Kebangsaan** bagi kes-kes bunuh diri dan kecederaan fatal iaitu '*National Suicide and Fatal Injury Registry Malaysia* (NSFIRM)' pada 21 Mei 2020 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Projek ini telah disenaraikan di dalam projek Rolling Plan 1 Tahun 2021, RMKe-12 dengan peruntukan sebanyak RM4.2 juta.
2. Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan rata-rata masyarakat terkesan dari segi emosi dan kesihatan mental. Sepanjang tempoh Januari hingga Julai 2020 sebanyak **9,502 kes dicatatkan berbanding 14,673 kes dalam tempoh yang sama pada tahun 2019**. Data yang dikumpulkan oleh Pusat Informatik Kesihatan, KKM ini merujuk secara khusus kepada bilangan kes gangguan mental dan tingkah laku bunuh diri yang telah discaj daripada Hospital KKM,
3. Manakala, bagi kes cubaan bunuh diri, sebanyak **465 kes cubaan bunuh diri** telah dilaporkan dan menerima rawatan di hospital KKM bagi tempoh Januari hingga Julai 2020. Walaubagaimana pun data ini adalah merujuk kepada kes yang menerima rawatan di fasiliti kesihatan KKM sahaja dan bukan disebabkan oleh impak pandemik COVID-19 semata-mata.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan jumlah peruntukan untuk Projek Tebatan Banjir di Sibu sejak ia dilaksanakan dan nyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan terus memberi peruntukan bagi projek ini memandangkan Fasa 4 akan dibiayai oleh Kementerian Sarawak serta apakah rancangan kerajaan untuk mengkaji semula secara menyeluruh Projek Tebatan Banjir di Sibu memandangkan projek ini tidak membawa kesan yang memuaskan setakat ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM256 juta di bawah RMKe-10 dan RMKe-11 bagi pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sibu, Sarawak untuk dilaksanakan oleh agensi pelaksana Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).
2. Pelaksanaan projek RTB Sibu ini melibatkan lima (5) Fasa pembinaan dan peruntukan keseluruhan yang telah diluluskan bagi tiga Fasa pelaksanaan projek ini adalah berjumlah RM256 juta. Dua Fasa projek ini telah disiapkan dengan kos RM156 juta dan Fasa 3 projek masih dalam pelaksanaan dengan kos berjumlah RM100 juta yang dijangka siap

## **NO. SOALAN : 21**

pada 6 Mac 2022. Manakala peruntukan bagi fasa seterusnya telah dirancang untuk dilaksanakan di bawah Rolling Plan 2 RMKe-12.

3. Untuk menjelaskan pandangan Yang Berhormat mengenai RTB Sibu setakat ini tidak membawa kesan yang memuaskan. Kementerian berpendapat pembinaan keseluruhan RTB Sibu ini masih di peringkat pelaksanaan.

4. Oleh yang demikian, apabila kesemua fasa projek ini siap dibina. Kementerian amat berkeyakinan masalah banjir di Sibu akan dapat dikurangkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HJ. AHMAD NAZLAN B. IDRIS  
(JERANTUT)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan Kementerian terhadap faktor penularan wabak COVID-19 seperti yang berlaku bagi kluster Benteng Lahad Datu, Sabah yang disebabkan oleh keadaan ruang lokap yang sesak dan sempit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 31 Ogos 2020, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah mengesan satu kluster baru dikenali sebagai kluster Benteng, Lahad Datu hasil daripada saringan terhadap tahanan baharu di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu. Ia melibatkan jangkitan dalam kalangan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang memasuki negara ini melalui laluan tikus.

Di antara tindakan yang dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mencegah penularan wabak COVID-19 yang disebabkan oleh keadaan ruang lokap yang sesak dan sempit adalah seperti berikut:

- (i) Bagi setiap orang kena tahan (OKT), sebelum dimasukkan ke dalam lokap, setiap OKT akan disaring dengan memeriksa suhu badan serta memeriksa tahanan sama ada mempunyai gejala COVID-19 seperti batuk, kesukaran bernafas, sakit tekak dan sejarah perjalanan tahanan tersebut;
- (ii) OKT juga akan ditempatkan di dalam lokap yang dikhaskan untuk diambil ujian *swab* oleh pihak KKM sehinggalah keputusan diperolehi;
- (iii) Setiap OKT yang didapati negatif akan dimasukkan ke dalam lokap dan akan diarah untuk membersihkan diri serta diberikan pelitup muka;
- (iv) Setiap sel yang terdapat dalam lokap dibuat penandaan (jarak dalam satu meter) bagi tujuan penjarakan fizikal antara OKT. OKT turut diasingkan secara sama rata (*evenly distributed*) mengikut kesesuaian saiz dan kapasiti sesebuah sel;
- (v) Aktiviti nyahkuman/disinfeksi di lokap diadakan secara berkala terutama di permukaan yang kerap disentuh atau mudah tercemar seperti meja, kerusi, pemegang atau tombol pintu, susur tangga, lantai,

besi sel dan lain-lain;

- (vi) Setiap petugas-petugas lokap diwajibkan untuk memakai *Personal Protective Equipment* (PPE) bagi mengendalikan tahanan di dalam lokap polis; dan
- (vii) Bagi IPD Lahad Datu, sejak wujudnya kluster Benteng di lokap polis Lahad Datu, setiap tangkapan sama ada tempatan atau PATI akan dirujuk terus ke Klinik Kesihatan, Lahad Datu (8.00 pagi hingga 8.00 malam) atau Bahagian Kecemasan, Hospital Lahad Datu (8.00 malam hingga 4.00 pagi) untuk dibuat ujian saringan dan keputusan dapat diperolehi dalam tempoh 3 jam. Jika tangkapan positif akan terus dimasukkan ke dalam hospital atau pusat kuarantin dan jika negatif akan dibawa ke lokap polis untuk ditahan.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
(WANGSA MAJU)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi mengatasi penularan COVID-19 di penjara dan lokap kerana keadaan yang terlalu sesak dan kekurangan langkah pencegahan di penjara dan lokap.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Penjara Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah mengambil beberapa pendekatan proaktif bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di dalam penjara dan lokap selaras dengan keputusan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) COVID-19 bil. 29 tahun 2020 pada 15 Oktober 2020 yang telah bersetuju agar dilaksanakan ujian pengesanan COVID-19 kepada semua banduan dan tahanan semasa kemasukan bagi memastikan penularan COVID-19 di pusat-pusat tersebut dapat dicegah sepenuhnya.

Sebagai langkah pencegahan, Jabatan Penjara Malaysia telah mengeluarkan Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara serta Pelan Kontingensi: Tatacara Mencegah Dan Bertindak Dalam Menghadapi Penularan Wabak COVID-19 Di Dalam Penjara. Jabatan Penjara Malaysia turut mempunyai Perintah Tetap Jabatan berhubung dengan ujian saringan COVID-19, yang mana telah menetapkan agar semua banduan sebelum diterima masuk ke penjara perlu mempunyai keputusan ujian saringan COVID-19.

Selain itu, Jabatan Penjara Malaysia juga telah mengambil langkah dalam mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk merawat, melaksanakan kuarantin dan mencegah penularan wabak tersebut kepada banduan dan kakitangan.

Seterusnya bagi mengurangkan tahap kebolehjangkitan COVID-19 di kalangan banduan serta mengurangkan kesesakan, Jabatan Penjara Malaysia bersama dengan KDN sedang dalam proses memuktamadkan cadangan penempatan banduan sabitan dan reman kategori risiko keselamatan minimum di beberapa bekas kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang akan diwartakan sebagai penjara sementara di bawah seksyen 8 Akta Penjara 1995 dan berfungsi sebagai *admission prison*.

Bagi tujuan yang sama iaitu mengurangkan tahap kebolehjangkitan, Jabatan Penjara Malaysia telah mewujudkan pusat-pusat transit di institusi penjara untuk penempatan banduan yang boleh diterima masuk ke institusi tersebut dengan mengambil kira keperluan pengasingan berdasarkan tarikh-tarikh kemasukan.

Selaras dengan hala tuju Jabatan Penjara Malaysia iaitu dua pertiga banduan sabitan yang layak akan menjalani pemulihan di luar penjara, langkah-langkah pengurangan kesesakan melalui pelaksanaan dan pemerkasaan sistem parol, perintah kehadiran wajib, program integrasi penghuni industri, program *corporate smart internship* dan pembebasan banduan secara lesen. Ini akan dilaksanakan berterusan dengan itu dapat menjangka akan mengurangkan kesesakan di institusi penjara dan juga kita dapat mengekang penularan wabak COVID-19 di dalam penjara.

PDRM juga telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Bil. 12/2020 mengenai Garis Panduan Pengendalian Tahanan semasa Penularan COVID-19 bertarikh 1 April 2020 dan Arahan Pentadbiran Bil. 23/2020 bertarikh 16 Julai 2020 mengenai Garis Panduan Pengendalian Tahanan Pasca COVID-19 bertujuan memberi panduan kepada semua Pegawai Penjaga Lokap, Timbalan Pegawai Penjaga Lokap, Penyelia dan Pengawal Lokap berhubung pengendalian tahanan di lokap semasa penularan wabak Covid-19. Selain itu, ia turut melibatkan carta alir penerimaan tahanan oleh pengawal lokap dan pengendalian tahanan lokap.

PDRM sentiasa mengkaji keperluan bagi mengemaskini SOP lokap dan keperluan-keperluan lain berkenaan COVID-19.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH B. MOHD NASIR  
(JOHOR BAHRU)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [ JOHOR BAHRU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap tindakan terpilih yang dikaitkan dengan seorang Menteri dalam penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan tidak mengamalkan tindakan terpilih dalam pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang di negara ini. Dalam kes YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, pihak polis telah menjalankan siasatan ke atas beliau setelah menerima 27 laporan polis daripada pelbagai pihak dari seluruh negara berhubung dakwaan tidak menjalani kuarantin selepas balik dari luar negara. Siasatan telah dijalankan bersabit Sri Petaling Repot 5634/2020 bertarikh 19 Ogos 2020 di bawah Seksyen 22 (b) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Kertas siasatan telah dikemukakan kepada Pejabat Peguam Negara yang mempunyai bidang kuasa mutlak untuk keputusan selanjutnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YB Menteri berkenaan juga telah membayar sejumlah kompoun yang dikenakan ke atas beliau.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bersimpati terhadap masalah penanam durian di Kawasan Raub. Apakah peranan Kementerian dalam menyelesaikan masalah tersebut antara petani, syarikat dan Kerajaan Negeri Pahang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Kementerian mengambil maklum masalah yang dihadapi oleh pekebun durian Musang King di negeri Pahang. Namun, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri kerana melibatkan hal ehwal tanah Kerajaan Negeri.
2. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa bersedia memberi bantuan dan khidmat nasihat teknikal penanaman durian bagi meningkatkan pengeluaran dan pendapatan kepada pihak yang berkenaan melalui insentif-insentif yang disediakan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara inisiatif penanaman durian di bawah Kementerian adalah seperti berikut:

a. Projek Pembangunan Kluster Durian

Kadar insentif sebanyak RM 20,000 per ha (maksimum) untuk membangunkan kawasan sedia ada dan baru yang berpotensi meliputi pembersihan kawasan, penyediaan sistem pengairan, infrastruktur ladang, input-input pertanian seperti baja, racun serta peralatan ladang.

b. Projek Tanam Semula Buah-Buahan terpilih

Durian merupakan salah satu buah yang diberi tumpuan dalam Dasar Agromakanan Negara yang menawarkan kadar insentif sebanyak RM10,000 sehektar (maksimum) meliputi:

- i. Pembersihan kawasan dan penyediaan kawasan;
- ii. Pembelian input dan peralatan pertanian serta penggantian anak pokok termasuk kerja-kerja cantasan dan cantuman;
- iii. Perolehan peralatan pertanian kecil ; dan
- iv. Perolehan bahan untuk kawalan musuh tanaman

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN  
AHMAD [ KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan berapa jumlah lesen laut dalam yang boleh dikeluarkan pada masa ini sesuai dengan keperluan semasa tanpa menjejaskan kelestarian sumber hasil laut negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, perikanan laut dalam diklasifikasi sebagai Zon C2 iaitu meliputi 30 batu nautika hingga sempadan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) bagi Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, manakala 15 batu nautika hingga garisan sempadan antarabangsa bagi Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

2. Hasil daripada Kajian Sumber Biomass Ikan yang dijalankan pada tahun 2013 hingga 2016, jumlah optimum lesen vesel zon C2 yang boleh dilesenkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) adalah sebanyak 1,782 vesel iaitu berdasarkan keupayaan daya tampungan sesebuah kawasan berbanding dengan sumber perikanan sedia ada.

3. Sehingga Oktober 2020, DOF telah melesenkan sejumlah 1,117 vesel laut dalam zon C2, manakala baki lesen laut dalam yang boleh dilesenkan adalah berjumlah 665 iaitu:

- i. di kawasan Pantai Barat tiada lesen baharu boleh dikeluarkan kerana telah mencapai tahap optimum;
- ii. di kawasan Pantai Timur sebanyak 25 lesen;
- iii. Negeri Sarawak sebanyak 397 lesen;
- iv. Negeri Sabah sebanyak 158 lesen; dan
- v. Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak 85 lesen.

4. Dalam usaha menarik minat pemain sedia ada dan baharu dalam industri laut dalam, Kementerian akan melaksanakan Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan mulai tahun 2021 bagi memastikan perikanan laut dalam dapat diterokai secara optimum tanpa menjejaskan kelestarian sumber hasil lautan.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi menaik taraf klinik kesihatan Sungai Udang Melaka lantaran penambahan penduduk setempat dan lambakan permintaan perkhidmatan kesihatan oleh pihak angkatan Tentera, penduduk setempat dan rakyat disempadan Masjid Tanah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Klinik Kesihatan Sungai Udang di Negeri Melaka akan dinaik taraf dari Jenis 4 ke Jenis 3** dan kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan di atas tapak yang berkeluasan 6.3 ekar dengan jarak dua (2) km dari klinik sedia ada. Tapak tanah yang telah dikenal pasti sedang dalam proses pengambilan tanah.
2. Bagi menambahbaik perkhidmatan di KK Sungai Udang, pada tahun 2019, **kerja-kerja menaik taraf bekalan elektrik dan peti agihan di bangunan pesakit luar telah dilaksanakan**. Manakala pada tahun ini pula, **kerja-kerja pembaikan kaunter pendispesan ubat dan kaunter pendispesan *Methadone* telah dilaksanakan**.
3. Bagi memastikan kelancaran operasi Klinik Kesihatan Sungai Udang selepas tempoh PKP, KK Sungai Udang telah menetapkan sistem temujanji secara berperingkat dan teratur supaya pesakit tidak bertumpu di KK Sungai Udang pada satu-satu masa sahaja.
4. Jabatan Kesihatan Negeri Melaka sedia maklum mengenai masalah peningkatan jumlah pesakit di KK Sungai Udang dan pihak Kementerian juga sedang mempertimbangkan kaedah terbaik bagi menangani perkara ini demi kelangsungan penyampaian perkhidmatan kesihatan di negeri Melaka khususnya di kawasan Tangga Batu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ISNARAISAH MUNIRAH MAJILIS  
[KOTA BELUD]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN ISNARAISAH MUNIRAH MAJILIS [ KOTA BELUD ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status tender kerja-kerja pengukuran pada pertengahan Ogos 2020 yang lalu serta status tender Kajian Kemungkinan Bersepadu Sumber Air dan Tebatan Banjir yang kononnya akan ditender seawal September 2020.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Status semasa bagi tender perolehan kerja ukur kejuruteraan ia adalah dalam peringkat perolehan selanjutnya (iaitu penyediaan dokumen pelawaan kerja ukur bagi membolehkan juruukur mengemukakan Cadangan Teknikal Dan Kos (CTK)).
2. Manakala bagi tender Kajian Kemungkinan Bersepadu Sumber Air dan Tebatan Banjir, dokumen perolehan telah siap dan iklan pelawaan akan dikeluarkan dan dijangka iklan pada penghujung bulan Disember 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI (BUKIT BENDERA)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN WONG HON WAI [ BUKIT BENDERA ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah permohonan keluar dan memasuki Malaysia yang telah diterima oleh Ketua Pengarah Imigresen dan berapa peratus kelulusan. Disamping itu, apakah sebab kelewatan kelulusan sehingga melebihi satu bulan dan apakah prosedur dalaman serta jangka masa untuk kelulusan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuat kuasa oleh Kerajaan bermula 18 Mac 2020 sehingga kini bagi membendung penularan pandemik COVID-19, dan ianya termasuklah pengukuhan kawalan pintu masuk dan sempadan negara. Bagi tujuan ini, Kerajaan memperkenalkan sekatan menyeluruh perjalanan warganegara Malaysia ke luar negara serta kawalan kemasukan warganegara asing ke Malaysia melalui penetapan syarat-syarat permohonan yang ketat.

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menetapkan tiga (3) saluran permohonan untuk masuk ke Persekutuan kepada warganegara asing iaitu permohonan secara manual kepada Ketua Pengarah JIM, permohonan secara atas talian menerusi MyEntry dan MyTravelPass.

## **SOALAN NO : 29**

Bermula 18 Mac 2020 sehingga 19 November 2020, JIM menerima 9,458 permohonan melibatkan warganegara Malaysia ke luar negara. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 8,379 atau 88.5% permohonan telah diluluskan manakala 1,079 atau 11.5% permohonan ditolak.

Bagi permohonan kemasukan warganegara asing ke Malaysia pula, sebanyak 47,043 permohonan telah diterima dan diproses oleh JIM bagi tempoh mulai 18 Mac 2020 hingga 19 November 2020. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 30,046 atau 63.9% permohonan diluluskan manakala 16,997 atau 36.1% permohonan ditolak.

### **Tuan Yang Di Pertua,**

Bermula 7 Oktober 2020, JIM memperkenalkan MyTravelPass (MTP) iaitu suatu sistem permohonan kebenaran masuk dan ke luar negara untuk warganegara Malaysia dan warganegara asing sebagai salah satu inisiatif penambahbaikan proses permohonan. Sebelum MyTravelPass diperkenalkan, permohonan dibuat melalui e-mel kepada JIM.

Dimaklumkan bahawa sistem MTP mampu memendekkan tempoh masa kelulusan permohonan kepada antara tiga hingga lima hari bekerja. Sistem ini boleh diakses oleh orang ramai melalui laman web rasmi JIM iaitu [www.imi.gov.my](http://www.imi.gov.my) atau [mtp.imi.gov.my](http://mtp.imi.gov.my). Pewujudan sistem tersebut adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui pendigitalan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
(KLANG)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [ KLANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) dan 15A yang sudah diterima, masih di dalam proses, telah diluluskan dan ditolak antara tahun 2015 dan 2020. Berapa jumlah 'backlog' bagi permohonan kewarganegaraan sehingga kini dan tempoh masa ianya akan diproses.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2015 hingga 15 Oktober 2020, sebanyak 39,574 permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) dan Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan telah diterima. Daripada jumlah permohonan berkenaan, sebanyak 2,739 permohonan telah diluluskan dan 33,288 permohonan sedang diproses.

Bagi permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, SOP yang ditambahbaik telah dilaksanakan dengan tempoh pemprosesan yang lebih singkat bagi permohonan yang lengkap diterima mulai tahun 2020. Manakala, bagi permohonan kewarganegaraan lain di bawah Perlembagaan Persekutuan, fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh setiap pemohon akan diteliti mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]

TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

**SOALAN**

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [ SUNGAI SIPUT ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan kemunculan gelombang ketiga penularan wabak COVID-19 secara mendadak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Gelombang ketiga penularan jangkitan COVID-19 di Malaysia telah dikesan bermula pada 20 September 2020 susulan peningkatan pelaporan kes dari beberapa buah negeri. Antara negeri yang melaporkan kes COVID-19 yang tertinggi adalah Kedah dan Sabah. Lonjakan kes COVID-19 semasa fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini mendorong Kerajaan untuk mengambil langkah-langkah proaktif dan berkesan untuk membendung penularan jangkitan COVID-19 di Malaysia.

2. Hasil analisa yang dijalankan mendapati beberapa faktor berikut telah menyumbang kepada peningkatan mendadak yang menjurus kepada kejadian gelombang ketiga ini iaitu:

- i. **Fenomena kelesuan pandemik (*pandemic fatigue*) dalam kalangan masyarakat.** Ia suatu fenomena yang dijangkakan dan

- ia berlaku secara semulajadi apabila mereka perlu menghadapi krisis kesihatan awam ini bagi suatu tempoh yang panjang dan masih belum berkesudahan. Apatah lagi apabila skala kejadian pandemik ini, secara langsung atau tidak langsung mempunyai impak yang belum pernah terjadi sebelum ini kepada kehidupan seharian setiap dari kita. Akibat dari fenomena ini; masyarakat didapati mula lalai dalam mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan, kurang mengambil tahu mengenai isu-isu semasa berkaitan pandemik ini dan mempunyai tahap penerimaan risiko (*risk perception*) yang rendah mengenai jangkitan COVID-19. Mesej teras mengenai kepentingan amalan kerap mencuci tangan, pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal khususnya di tempat tumpuan ramai, mulai kurang memberikan kesan dalam kalangan masyarakat. Ia merupakan suatu fenomena yang perlu ditangani melalui pelan tindakan bersepadu melibatkan peranan pelbagai agensi, yang bersifat 'multifactorial';
- ii. **Kewujudan peristiwa-peristiwa yang melibatkan perhimpunan ramai**, yang seterusnya diburukkan lagi dengan kegagalan untuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dalam kalangan individu yang menyertainya;
  - iii. **Kemasukan pendatang asing tanpa izin melalui 'lalu-laluan tikus', yang menjurus kepada pelaksanaan Ops Benteng secara besar-besaran di seluruh negara**. Golongan ini membawa bersama potensi jangkitan COVID-19 dari negara asal mereka. Seterusnya, ditambah lagi dengan kapasiti penjara mahupun pusat tahanan yang telah sedia padat, ia telah menyebabkan peningkatan kluster melibatkan fasiliti-fasiliti ini di beberapa buah negeri – khususnya di di utara Semenanjung dan di Sabah. Justeru, pelbagai agensi yang berkaitan kini sedang bertungkus lumus untuk menangani situasi ini terutama sekali bagi menambahbaik prosedur operasi standard (SOP) dalam pengurusan banduan dan tahanan;



- iv. **Beberapa kawasan dan lokaliti telah diletakkan di bawah arahan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB) secara pentadbiran.** Pendekatan yang digunakan bagi PKPDB ini turut melibatkan ujian saringan COVID-19 yang dijalankan melibatkan 5% dari populasi di kawasan atau lokaliti terlibat, ini adalah tambahan kepada sampel yang telah sedia diambil semasa menguruskan kluster COVID-19 yang sedang berlaku di situ. Mengambil kira penularan jangkitan aktif yang sedang berlaku di kawasan tersebut, aktiviti ini secara tidak langsung menyebabkan peningkatan kes yang direkodkan. Begitu juga dengan pengambilan sampel secara menyeluruh (*mass screening*) melibatkan lokaliti yang diletakkan di bawah arahan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG (KAMPAR)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan penjawatan tetap bagi Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di daerah Kampar yang mana telah beroperasi sejak 9 tahun yang lalu. Apakah perancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan penjawatan petugas AADK di setiap daerah di negeri Perak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman, pada masa kini Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Perak beroperasi di sembilan daerah di seluruh negeri Perak iaitu Kinta, Kerian, Larut, Matang dan Selama, Hulu Perak, Kuala Kangsar, Perak Tengah, Batang Padang, Manjung serta Hilir Perak dengan perjawatan keseluruhan sebanyak 309 perjawatan dan pengisian semasa berjumlah 95.46%.

AADK Daerah Kampar pada masa ini diwujudkan secara pentadbiran dengan menggunakan waran perjawatan daripada AADK negeri dan daerah-daerah lain melibatkan tujuh orang pegawai ditempatkan di daerah tersebut bagi menyampaikan perkhidmatan kepada penduduk daerah Kampar. Sebagai pelan jangka panjang, AADK bercadang untuk mewujudkan 10 perjawatan tetap di AADK Daerah Kampar serta melihat semula perjawatan AADK di seluruh negara dalam Pelan Pengukuhan Perjawatan AADK.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID [ KAPAR ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [ KAPAR ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan komitmen dalam membantu industri 'vape' yang bernilai lebih RM500 juta setahun dan telah membuka peluang pekerjaan kepada lebih 50 ribu orang warga tempatan. Industri ini juga mampu menjana pendapatan negara melalui cukai yang akan dikenakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan kesihatan rakyat Malaysia terjamin. Tanggungjawab ini meliputi pembangunan polisi berkaitan produk yang boleh mendatangkan risiko kepada kesihatan.

2. Rokok elektronik atau vape adalah merupakan sejenis produk merokok yang baru pada masa kini. Rokok elektronik atau vape adalah dikategorikan sebagai **PRODUK BERBAHAYA** kerana penggunaannya mengundang risiko bahaya kepada kesihatan manusia. Masalah penggunaan rokok elektronik juga merupakan satu epidemik global yang mengundang kebimbangan pelbagai pihak terutama di kalangan ibubapa.

3. Bukti saintifik terkini telah menunjukkan kesan penggunaan rokok elektronik kepada kesihatan termasuk:

- a. Kerosakan pada sel badan manusia;
- b. Komplikasi penyakit;
- c. Kesan bahan kimia disebabkan oleh reaksi bahan-bahan campuran dalam cecair rokok elektronik terutama bahan perisa;
- d. Kegagalan penggunaan rokok elektronik bagi tujuan berhenti merokok;
- e. Peningkatan '*dual user*' (dwi pengguna iaitu perokok yang menggunakan rokok konvensional dan rokok elektronik); dan
- f. Peningkatan penggunaan kepada remaja.

4. Nikotin yang dicampurkan ke dalam cecair rokok elektronik atau vape yang juga mengandungi *propylene glycol*, *vegetable glycerin* dan bahan perisa bertujuan untuk menyebabkan pengguna mengalami ketagihan dan kebergantungan kepada produk ini. Nikotin **telah diklasifikasikan sebagai racun dibawah Jadual Pertama (Kumpulan C), Akta Racun 1952 [Akta 366] dan Akta Jualan Dadah 1952 [Akta 368] (Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984).**

Jemaah Menteri yang telah bersidang pada tahun 2016 telah membuat keputusan yang tepat dengan kawalan **cecair rokok elektronik atau vape yang mengandungi nikotin kekal** di bawah Akta ini.

5. Pada masa yang sama, cecair rokok elektronik atau vape yang tidak mengandungi nikotin juga perlu dikawal di bawah undang-undang baharu yang sedang digubal dan sedang dalam penelitian Jabatan Peguam Negara. Ini adalah kerana hasil pemanasan dan interaksi bahan-bahan seperti *Propylene Glycol* (PG) dan bahan perisa boleh menyebabkan penghasilan "*toxic intermediates*" dikenali sebagai "*Volatile Organic Compound*" (VOC) yang menyebabkan kecederaan kepada organ paru-paru yang akhirnya membawa kepada penyakit *E-Cigarette and Vaping Associated Lung Injury* (EVALI).

6. Pakar kesihatan di Malaysia juga telah mengesan **dua kes EVALI** di kalangan dua remaja yang telah dilaporkan di Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak di mana mereka ini memerlukan rawatan bantuan pernafasan di Unit Rawatan Rapi selain mengalami kecacatan kekal dan terpaksa menggunakan bantuan oksigen. Menurut satu laporan di Amerika Syarikat, kos untuk merawat seorang pesakit EVALI dengan purata tempoh berada di hospital selama 11 hari adalah berjumlah USD 18,938 (bersamaan dengan RM 78,497).

7. Atas faktor-faktor yang dinyatakan di atas maka adalah **TIDAK WAJAR** pihak KKM memberikan komitmen kepada industri ini. Sebaliknya sebagai Kementerian yang bertanggungjawab ke atas kesihatan rakyat Malaysia, KKM ingin mecadangkan agar Kerajaan terus komited untuk mengawal ketat industri ini.

8. Berkaitan pernyataan bahawa industri vape ini mampu menjana pendapatan negara melalui cukai yang akan dikenakan serta dapat membuka peluang pekerjaan kepada lebih 50 ribu orang warga tempatan, perkara ini perlu diperhalusi semula.

9. Ini adalah kerana pembuatan cecair rokok elektronik atau vape adalah sukar dikawal dan paras penggunaan setiap bahan kimia yang terkandung di dalam cecair ini perlu dibuat pemantauan dan penguatkuasaan dengan ketat. Oleh itu, Kerajaan akan memerlukan kos tambahan untuk aktiviti-aktiviti penguatkuasaan. Selain daripada itu, kerajaan juga akan terpaksa menanggung kos rawatan akibat komplikasi penyakit seperti yang dinyatakan di atas.

10. Adalah dibimbangi hasrat kerajaan untuk menjana pendapatan hasil daripada pencukaian rokok elektronik tidak memberi pulangan sepertimana yang diharapkan kerana terpaksa menanggung bebanan penambahan kos operasi penguatkuasaan dan rawatan penyakit. Hal ini juga boleh menyumbang kepada lambakan cecair rokok elektronik dan vape di pasaran gelap.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan unit “*radiotherapy*” di Hospital Sibu ataupun pusat kanser di Hospital Sibu. Nyatakan kos untuk projek tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kos bagi menyediakan perkhidmatan yang komprehensif dan lengkap bagi perkhidmatan rawatan kanser adalah sangat tinggi dan memerlukan tenaga pakar terlatih serta anggota klinikal sokongan, termasuk penyediaan bangunan, peralatan dan dewan bedah. Walaubagaimanapun Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sangat perihatin dengan masalah yang dihadapi oleh pesakit kanser di seluruh negara termasuk di negeri Sarawak.

2. Bagi memastikan perkhidmatan yang berkesan dan sumber-sumber dapat dioptimalkan maka perkhidmatan rawatan penyakit kanser dilaksanakan secara berpusat (*regional*) mengikut wilayah iaitu wilayah utara, tengah, selatan, timur, Sabah serta Sarawak. Bagi mengurangkan kesesakan wad di Hospital Umum Sarawak (HUS) dan untuk menangani kesukaran pesakit berulang-alik mendapatkan rawatan chemotherapy, KKM menyediakan perkhidmatan ambulatori di Hospital Sibu. Pihak hospital juga menyediakan perkhidmatan tele-konsultasi.



3. Terdapat 4 orang tenaga pakar Radioterapi dan Onkologi serta peralatan *Linear Accelerator (LINAC)*, *Treatment Planning System*, *Conventional Simulator*, *CT-Simulator* dan *Brachytherapy* di HUS. Kemudahan yang terdapat pada pusat ini mampu memberi perawatan yang terbaik di negeri Sarawak.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, **pada tahun 2015, KKM telah membelanjakan sejumlah RM85.82 juta bagi negeri Sarawak.** Daripada jumlah ini, sebanyak RM58.18 juta telah dibelanjakan untuk HUS bagi penggantian, naiktaraf serta perolehan peralatan baru termasuklah pembelian peralatan perubatan *Brainsuite* yang berharga RM27 juta bagi Jabatan Neurosurgery dan *LINAC* berharga RM19.68 juta bagi Jabatan Radioterapi dan Onkologi. Bagi tahun 2020, Kementerian sedang dalam proses penilaian tender untuk penggantian *LINAC* di HUS dengan anggaran kos sejumlah RM18 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[PASIR GUDANG]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah hasil yang dicapai sejak Kementerian Sumber Manusia menubuhkan Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional (JKPN).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian ini sangat berbesar hati kerana diberikan tanggungjawab oleh YAB Perdana Menteri untuk menjayakan Pelan Jana Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan pada 5 Jun 2020 yang lalu untuk menangani situasi semasa ekonomi dan meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat.
2. YAB Perdana Menteri turut mengumumkan penubuhan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional (JKPN) yang dipengerusikan secara bersama oleh saya sendiri selaku Menteri Sumber Manusia dan YB Menteri Kewangan. Pada 15 Julai 2020 yang lalu, mesyuarat ini telah

bersidang buat kali pertama dengan kehadiran ketua-ketua agensi yang terlibat secara langsung dalam inisiatif PENJANA seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kewangan, Kementerian Pengajian Tinggi, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

3. Sebagai permulaan, mesyuarat ini membincangkan terma rujukan (TOR) JKPN, pembentangan kedudukan terkini pasaran buruh dan kadar pengangguran oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan pembentangan laporan inisiatif Pelan Jana Ekonomi Negara (PENJANA).

4. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat JKPN merupakan satu platform atau medium untuk **menyelaras dan memantau pelaksanaan lima (5) inisiatif PENJANA berkaitan sumber manusia**.

- (i) Pertama, **Program Subsidi Upah** merupakan bantuan kewangan yang dibayar kepada majikan setiap perusahaan bagi setiap pekerja tempatan yang bergaji RM4,000 dan ke bawah;
- (ii) Kedua, **Menaik Taraf Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara** bertujuan untuk memperkukuh portal pekerjaan dan padanan kerja serta bekerjasama dengan portal pekerjaan swasta untuk padanan kerja;
- (iii) Ketiga, **Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan** bagi menggalakkan pengambilan pekerja dengan menyediakan insentif kewangan kepada majikan;
- (iv) Keempat, **Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran** bagi meningkatkan kebolehpasaran golongan penganggur melalui program latihan untuk mendapat kemahiran dan meningkatkan kemahiran; dan
- (v) Kelima, **Perlindungan Sosial dan Latihan bagi Pekerja Ekonomi Gig** bagi menjamin keselamatan sosial dan kebajikan golongan pekerja ekonomi gig.

5. Dalam hubungan ini, Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional akan memberi fokus kepada perkara-perkara berikut :

- (i) Pertama: **Rancangan jangka masa pendek** bagi menangani kadar pengangguran yang tinggi mengikut industri seperti pelancongan, hiburan dan lain-lain;
- (ii) Kedua: **Rancangan jangka masa panjang** dengan meningkatkan *value chain* sumber manusia melalui program upskilling dan reskilling; dan
- (iii) Ketiga: Mempromosi, membantu dan melindungi hak serta kebajikan pekerja ekonomi gig.

**Tuan Yang di-Pertua,**

6. KSM menerusi PSMB akan **mewujudkan *single window* bagi penyelarasan program peningkatan kemahiran (*upskilling* dan *reskilling*)** merentasi lapan (8) Kementerian dan Agensi bagi meningkatkan kebolehpasaran pencari kerja terutama golongan belia.

7. Kerajaan memandang serius **kebajikan pekerja ekonomi gig** dan menerusi PERKESO telah menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja ekonomi gig menerusi Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789). Melalui Akta ini, pekerja ekonomi gig akan diberi perlindungan di bawah Skim Bencana Kerja jika mereka ditimpa kemalangan atau menghidap penyakit berkaitan pekerjaannya.

8. Melalui PENJANA, Kerajaan telah mengumumkan Program PenjanaGig bagi memberi perlindungan keselamatan sosial dan menjaga kebajikan golongan Orang Bekerja Sendiri yang melibatkan aktiviti pekerjaan ekonomi gig.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah jumlah kapasiti ujian COVID-19 setiap hari oleh semua hospital / klinik Kerajaan di seluruh negara. Apakah kos untuk setiap ujian dan apakah usaha Kementerian dalam '*mass testing*'.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Bilangan sampel bagi ujian Polymerase Chain Reaction (PCR) yang dijalankan oleh semua makmal COVID-19 dan ujian Rapid Test (RT) Antigen yang dijalankan di fasiliti Kesihatan sehari adalah bergantung kepada bilangan sampel yang diambil oleh Klinik Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah dan hospital. **Jumlah kapasiti ujian COVID-19 setiap hari oleh semua makmal –makmal COVID-19 di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia adalah 16,670 ujian sehari**, manakala **lain-lain kementerian** (MOSTI, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pengajian Tinggi) di seluruh negara **adalah 2,819 ujian sehari**.

2. Bagi meningkatkan kapasiti bilangan makmal yang boleh menjalankan ujian PCR COVID-19, kerajaan juga telah menjalankan kolaborasi dengan makmal-makmal swasta. Sehingga 2 Disember 2020, **keseluruhan kapasiti harian untuk negara termasuk makmal swasta adalah 59,485 ujian sehari melibatkan 61 makmal COVID-19**.

3. Sehingga 2 Disember 2020, sebanyak sebanyak **3,016,850 ujian (bagi kedua-dua jenis ujian, iaitu Polymerase Chain Reaction (PCR) dan RTK-Antigen)** telah dijalankan di seluruh Malaysia, iaitu sejumlah **2,486,896 ujian PCR COVID 19 dan 529,954 ujian RTK Antigen**.

4. **Sehingga 2 Disember 2020, kumulatif kes positif COVID-19 di Malaysia adalah seramai 68,020 orang**. Jumlah tersebut merupakan sebahagian dari sejumlah 2,707,207 individu yang telah diambil sampel, menjadikan kadar positif dalam kalangan mereka yang telah disaring adalah sejumlah 2.51%.

5. Ujian saringan yang dilaksanakan tidak hanya terhad kepada golongan *Patient Under Investigation* (PUI) atau kontak-kontak rapat kepada kes positif yang dikesan melalui pengendalian kluster di lapangan sahaja. Kes sporadik turut dikesan dalam kalangan golongan *Person Under Surveillance* (PUS) mahupun dari aktiviti surveilan COVID-19 yang melibatkan tiga (3) kategori iaitu orang awam yang mengunjungi fasiliti

kesihatan yang dikenalpasti sebagai lokasi-lokasi sentinel, petugas perubatan dan kesihatan serta dalam kalangan pesakit sejurus sebelum menjalani prosedur pembedahan.

6. Melalui pelbagai aktiviti saringan yang dijalankan ini, didapati kadar positif yang diperolehi dalam kalangan *Patient Under Investigation* (PUI) atau kontak-kontak rapat kepada kes positif yang dikesan melalui pengendalian kluster di lapangan adalah lebih tinggi berbanding kadar positif yang diperolehi dari aktiviti surveilans COVID-19; iaitu 3.10% berbanding 0.24%.

7. Mengambil kira dapatan ini, **pendekatan saringan secara bersasar digunapakai** khususnya melibatkan kontak rapat kes COVID-19 yang dikesan di lapangan dan dalam kalangan individu yang didapati memenuhi kriteria sebagai golongan berisiko tinggi. Ujian makmal yang dijalankan terhadap golongan yang dikenalpasti melalui aktiviti saringan secara bersasar ini tidak dikenakan sebarang caj. Pendekatan ini digunakan bagi memastikan pengurusan sumber yang berkesan, mengambil kira keupayaannya untuk memaksima keberhasilan daripada aktiviti yang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR  
[POKOK SENA]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] minta  
MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :**

(a) apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengelak pemberhentian pekerja-pekerja syarikat penerbangan seperti MAS, MALINDO dan AirAsia; dan

(b) apakah langkah dan bantuan yang diberikan kepada pekerja-pekerja syarikat penerbangan MAS, Malindo dan AirAsia yang diberhenti dan bakal diberhenti kerja berikutan pandemik COVID-19.



**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Susulan syarikat penerbangan di seluruh dunia mengurangkan pekerja akibat pandemik COVID-19, syarikat MAS, Malindo dan AirAsia juga tidak terkecuali dalam mengambil langkah tersebut.

Di bawah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), terdapat Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-Faedah Penamatan dan Pemberhentian Kerja Sementara) 1980 dan Garis Panduan Pengurusan Pemberhentian Pekerja yang diterbitkan di bawah seksyen 60J Akta Kerja 1955. Sebelum memberhentikan pekerja, seseorang majikan dikehendaki mengisi Borang Pemberhentian (Borang PK) dan melaporkan kepada pejabat Jabatan Tenaga Kerja yang terdekat sekurang-kurangnya 30 hari sebelum pemberhentian tersebut dibuat. Kegagalan untuk berbuat demikian oleh seseorang majikan adalah suatu kesalahan di bawah seksyen 63 Akta Kerja 1955.

JTKSM setelah menerima Borang PK, akan cuba sedaya upaya menasihati majikan tersebut untuk mengambil langkah-langkah lain seperti menghadkan kerja lebih masa, mengurangkan waktu kerja harian, membekukan pengambilan pekerja baharu dan sebagainya sebelum langkah pemberhentian pekerja betul-betul terpaksa dibuat. Cadangan nasihat ini juga terdapat dalam Tatacara Keharmonian Perusahaan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (b) Pekerja-pekerja yang telah ditamatkan perkhidmatan berikutan pandemik COVID-19 dan merasakan penamatan perkhidmatan tersebut adalah tidak adil dan tanpa alasan yang munasabah, mempunyai hak untuk memfailkan representasi pemulihan kerja di bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967

(Akta 177) yang membolehkan pekerja tersebut dipulihkan ke pekerjaan asal.

Kementerian Sumber Manusia ingin memaklumkan bahawa fakta menunjukkan *Malaysian Airline System* (MAS) tidak lagi beroperasi berkuat kuasa 1 September 2015. Dengan berkuatkuasanya Akta Malaysian Airline System Berhad 2015, satu entiti baharu iaitu Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah diwujudkan untuk mengendalikan operasi yang sebelum ini dikendalikan oleh MAS. Seksyen 25 Akta Malaysian Airline System Berhad 2015 menetapkan bahawa MAB bukan merupakan pengganti, pemegang serah hak atau penerima pindahan kepada MAS.

Bagi kes yang melibatkan syarikat penerbangan sehingga 25 November 2020, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia telah menerima sebanyak 31 kes melibatkan bekas pekerja MAB, 147 kes melibatkan bekas pekerja AirAsia dan 59 kes melibatkan bekas pekerja Malindo yang telah difailkan di bawah Seksyen 20 Akta 177.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE  
[ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian dalam:

- a) Meningkatkan kakitangan perubatan dan sumber peralatan perubatan yang diperlukan di Sabah dengan segera untuk memerangi krisis COVID-19 yang sedang berlaku dalam masa kecemasan dan jangka masa panjang; dan
- b) menaik taraf fasiliti perubatan di Sabah seperti 'isolation ward' atau wad pengasingan sebagai langkah persediaan untuk membanteras penyakit berjangkit seperti COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. KKM sentiasa memandang serius situasi penularan pandemik COVID-19 khususnya di negeri Sabah sejak awal peningkatan bilangan kes yang bermula pada awal September 2020. Pelbagai usaha telah dijalankan seperti meningkatkan kapasiti fasiliti hospital dan mobilisasi aset serta sumber manusia. Usaha-usaha ini dilakukan bagi memastikan sistem rawatan kesihatan di negeri Sabah terus mampan dalam membendung penularan COVID-19. KKM membahagikan dua (2) Pelan Tindakan Pengurusan iaitu bagi Pesakit COVID-19 dan Pesakit Bukan COVID-19.

2. Bagi **Pelan Tindakan Pengurusan Pesakit COVID-19**, KKM telah meningkatkan kapasiti katil di hospital COVID-19 serta Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC), katil ICU, ventilator, kapasiti ujian makmal dan sumber manusia:

- i. Pada masa ini, Sabah mempunyai **9 Hospital COVID-19 dan 26 PKRC** dan jumlah **katil hospital COVID-19 dan PKRC telah ditingkatkan sebanyak 14 kali ganda iaitu** daripada 410 katil kepada 5,756 katil. Kadar penggunaan katil pada ketika ini adalah berada ditahap 39%;
- ii. **Jumlah katil ICU di negeri Sabah adalah sebanyak 127 unit di mana kadar penggunaannya adalah pada tahap 78%** berbanding 60 unit katil ICU dengan kadar penggunaan hanya 7% sahaja pada awal September 2020.
- iii. Bagi menampung peningkatan penggunaan katil ICU di Sabah, **beberapa kawasan klinikal di hospital telah diubahsuai dan disusun atur semula bagi tujuan rawatan terhadap pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal (repurposing of clinical areas)**.

- iv. Terkini, terdapat 193 unit ventilator yang disediakan di mana kadar penggunaannya adalah pada tahap 37%. Penambahan jumlah ventilator ini adalah melalui peruntukan khas kerajaan dan hasil sumbangan pelbagai pihak.
  - v. Meningkatkan kapasiti ujian makmal RT-PCR dan RTK Antigen.
  - vi. Meningkatkan kapasiti dan mobilisasi tenaga sumber manusia Perubatan dan Kesihatan Awam
3. Manakala, bagi **Pelan Tindakan Pengurusan Pesakit Bukan COVID-19**, KKM melaksanakan Penyumberluaran (*outsourcing*) perkhidmatan Perubatan bagi kes-kes bukan COVID-19:
- i. Untuk memastikan kelangsungan perkhidmatan dan rawatan kepada kes-kes bukan COVID-19 tidak terjejas, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah berbincang dan menandatangani perjanjian dengan beberapa buah hospital swasta di Sabah untuk menyumberluar perkhidmatan kesihatan.
  - ii. Terdapat 6 buah hospital KKM di Sabah yang terlibat dengan penyumberluaran perkhidmatan perubatan di Sabah yang meliputi 12 disiplin seperti berikut:
    - a) *Paediatric Cardiology*
    - b) *Paediatric Surgery*
    - c) *Vascular Surgery*
    - d) *Gynaecology*
    - e) *Hepatobiliary Surgery*
    - f) *Orthopedic*
    - g) *Urology*
    - h) *Cardiology*
    - i) *Radiology*
    - j) *Ophthalmology*
    - k) *Cardiothoracic Surgery*
    - l) *Neurosurgery*

- iii. Beberapa buah hospital swasta di Sabah telah dikenal pasti untuk menjalankan 1,833 pembedahan dan prosedur. Setakat ini 30 kes radiologi, 3 kes pembedahan neuro dan 4 kes kardiologi telah mula dihantar ke Hospital swasta bagi mendapatkan rawatan.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**4. Penubuhan Hospital Medan di Tawau dengan kapasiti 100 katil mula dibangunkan di Kompleks Sukan Tawau pada 16 Oktober 2020.**

Hospital ini adalah hasil kerjasama KKM dengan pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bertujuan membantu Hospital Tawau dalam merawat kes-kes bukan COVID-19 terutamanya kes kecemasan yang memerlukan pembedahan dan juga kes Pediatrik dan Obstetrik dan Ginekologi.

- i. Hospital ini mula beroperasi sejak 20 Oktober 2020 dengan permulaan kemasukan pesakit bukan COVID-19 sebanyak 4 orang; dan
- ii. Diharapkan dengan adanya hospital ini, lebih banyak katil di Hospital Tawau boleh digunakan untuk pesakit COVID-19 dan juga kelangsungan rawatan pembedahan terhadap pesakit bukan COVID-19 dapat diteruskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BT. ANWAR  
(PERMATANG PAUH)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ PERMATANG PAUH ]** minta  
**MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) jumlah tahanan yang dipenjarakan atas kesalahan berkaitan dadah; dan

(b) perincian Akta Penyalahgunaan Dadah dan Substan 2020 yang diperkenalkan Menteri yang menggariskan pemindahan kerajaan daripada pendekatan punitif terhadap mereka yang disabitkan dengan kesalahan dadah kepada pendekatan yang mengutamakan pengurangan kemudaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Menurut statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 22 Oktober 2020, jumlah banduan yang dipenjarakan atas kesalahan berkaitan dadah adalah seramai 42,600 orang.
- b) Penggubalan Akta Penyalahgunaan Dadah dan Substan 2020 adalah untuk meningkatkan akses kepada rawatan dan pemulihan dadah bagi mereka yang memerlukannya supaya dapat kembali kepada masyarakat. Ini akan memberikan peluang kedua kepada mereka untuk menjalani proses rawatan dan pemulihan di dalam institusi mahupun pengawasan dalam komuniti. Mereka akan dinilai dengan sewajarnya sebelum dijatuhkan perintah oleh pihak Mahkamah bagi menjalani proses rawatan dan pemulihan sekaligus mampu mengubah stigma masyarakat yang menganggap mereka sebagai bekas banduan dadah dari penjara dan memudahkan proses integrasi dalam komuniti kelak.

Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dan bengkel bersama Kementerian / Jabatan / Agensi yang berkaitan, terutamanya yang terlibat dalam usaha menangani masalah dadah bagi mendapatkan input dan cadangan penggubalan Akta baharu tersebut. Pada masa ini, kesemua input yang dikumpul sedang diselaras dan dimurnikan untuk penyediaan draf Rang Undang-Undang.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI  
[JELUTONG]

TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

**SOALAN**

**TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf Hospital Besar Pulau Pinang atau membina sebuah hospital besar yang baru untuk rakyat Pulau Pinang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. KKM sememangnya telah mempunyai perancangan untuk menaik taraf Hospital Pulau Pinang dan Hospital Balik Pulau, Pulau Pinang. Sebagai contoh, **projek menaiktaraf *Paediatric Intensive Care Unit (PICU)* Hospital Pulau Pinang dengan kapasiti 12 katil telah pun siap dan mula beroperasi pada 13 Jun 2019.**

2. Selain itu bagi tahun 2020, projek menaik taraf fasiliti sedia ada telah diluluskan di bawah peruntukan *Sinking Fund* untuk Hospital Pulau Pinang dan Hospital Balik Pulau termasuklah:

- a) Kerja-kerja menaiktaraf / pembaikan peralatan *Defibrillator Cardioline*, membaikpulih sistem *Negative Pressure* di Wad C16 dan kerja-kerja menambah Tempat Letak Kereta (TLK) serta kerja-kerja lain berkaitan Hospital Pulau Pinang; dan

- b) Kerja-kerja penggantian bumbung dan kerja-kerja menaiktaraf / pembaikan peralatan *Warming Units* dan Unit Radiografi serta kerja-kerja lain berkaitan di Hospital Balik Pulau.

3. Di dalam RMKe-11, terdapat empat (4) projek menaik taraf Hospital di Pulau Pinang yang telah diluluskan iaitu:

- i) Blok Klinik Pakar Dan Wad Hospital Pulau Pinang (Peringkat Perancangan & Koordinasi);
- ii) Kuarters Hospital Pulau Pinang (Proses Perolehan);
- iii) Blok Wanita Dan Kanak-Kanak Hospital Pulau Pinang (Proses Perolehan); dan
- iv) Menaiktaraf Perkhidmatan Transplan Di Hospital Pulau Pinang Termasuk Pemindahan Sum-Sum Tulang Jenis Alogenis (Proses Perolehan).

4. Projek menaiktaraf Hospital Balik Pulau pula kini sedang giat dilaksanakan seperti menaiktaraf Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau yang melibatkan Jabatan Kecemasan dan Trauma. Jabatan Forensik dan Makmal Patologi juga telah dimulakan sejak tahun 2018 dan dijangka siap pada tahun 2021. Pembinaan *Modular Operation Theatre* melalui kaedah Reka dan Bina sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap tahun 2021.

5. Buat masa ini, KKM **tiada perancangan** untuk membina sebuah hospital baru lagi di Pulau Pinang. Walau bagaimana pun KKM akan sentiasa memantau keperluan dari masa ke semasa dan akan mempertimbangkan cadangan tersebut sekiranya ada keperluan di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG (BUKIT MERTAJAM)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTAJAM ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan ke atas Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang melanggar perintah kuarantin sendiri dan tindakan yang akan dikenakan terhadapnya supaya semua rakyat tahu Menteri tidak mendapat layanan antara dua darjat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, pihak PDRM telah menerima sebanyak 27 laporan polis ke atas YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang didakwa tidak menjalani kuarantin selepas balik dari luar negara. Siasatan telah dijalankan bersabit Sri Petaling Repot 5634/2020 bertarikh 19 Ogos 2020 di bawah Seksyen 22 (b) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Kertas siasatan telah dikemukakan kepada Pejabat Peguam Negara yang mempunyai bidang kuasa mutlak untuk keputusan selanjutnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YB Menteri berkenaan juga telah membayar sejumlah kompoun yang dikenakan ke atas beliau.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]

TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

**SOALAN**

TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah status terkini 'National Framework for Rare Diseases' yang telah dilancarkan sebelum ini, termasuk penafsiran kategori penyakit jarang jumpa (*rare diseases*), kaedah perubatan dan pendekatan mendapatkan dana yang secukupnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah meluluskan *National Framework for Rare Diseases* (dengan izin) bagi mengintegrasikan pengurusan **Penyakit Jarang Jumpa** di Malaysia yang melibatkan advokasi dan pendidikan kesihatan kepada orang awam, saringan dan pendiagnosan pesakit, pengurusan klinikal, sistem rujukan, pengumpulan data serta penyelidikan berkaitan **Penyakit Jarang Jumpa**. Seterusnya, satu *engagement* (dengan izin) dengan semua pemegang taruh akan diadakan dalam masa terdekat.
2. Kementerian juga telah meluluskan definisi Penyakit Jarang Jumpa di Malaysia sebagai "a life-threatening and / or chronically debilitating rare condition" (dengan izin) seperti yang disenaraikan dalam Senarai Penyakit Jarang Jumpa. Kini KKM sedang dalam proses pemurnian senarai Penyakit Jarang Jumpa di Malaysia.

3. Kementerian sentiasa memberi perhatian dan amat prihatin dalam memastikan setiap pesakit Penyakit Jarang Jumpa ini mendapat rawatan yang sempurna demi mengurangkan beban keluarga mereka. Terdapat pelbagai jenis Penyakit Jarang Jumpa di Malaysia dan rawatannya juga adalah berbeza berdasarkan keperluan masing-masing seperti:

- a) Ada **Penyakit Jarang Jumpa** yang memerlukan ujian diagnostik dan rawatan sokongan sahaja kerana belum wujud lagi rawatan spesifik;
- b) Ada **Penyakit Jarang Jumpa** yang memerlukan rawatan susu khas;
- c) Ada **Penyakit Jarang Jumpa** yang lain pula memerlukan ubat-ubatan khas seperti Enzyme Replacement Therapy; dan
- d) Kemudahan rehabilitasi dan sokongan seperti terapi cara kerja, fisioterapi dan sebagainya juga disediakan kepada pesakit **Penyakit Jarang Jumpa** yang memerlukannya.

4. Bagi membolehkan pesakit menerima rawatan di fasiliti KKM, peruntukan berjumlah **RM16.5 juta** telah disediakan pada tahun 2020. Walaubagaimanapun, oleh kerana kos rawatan ini adalah sangat mahal, maka pihak Kementerian amat mengalu-alukan sumbangan dana dari orang-orang perseorangan / syarikat-syarikat korporat / persatuan untuk memberi derma sebagai *Corporate Social Responsibility* mereka bagi memastikan kesinambungan rawatan hingga akhir hayat pesakit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA A/L RASIAH (SUNGAI  
BULOH)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN R. SIVARASA A/L RASIAH [ SUNGAI BULOH ]** minta **MENTERI  
DALAM NEGERI** menyatakan sama ada selepas keputusan Mahkamah  
Persekutuan di dalam kes Indira Gandhi, Kerajaan akan memperkenalkan  
pindaan Seksyen 88A Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan  
dan Perceraian) 1976 di Parlimen untuk mencerminkan prinsip yang  
diputuskan di kes itu iaitu penukaran agama anak-anak kecil atau bawah  
umur hanya boleh dilakukan dengan persetujuan kedua-dua ibu dan  
bapa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Seksyen 88A iaitu peruntukan untuk melarang penukaran agama anak tanpa persetujuan bersama ibu bapa (*unilateral conversion*) telah digugurkan daripada Rang Undang-Undang (RUU) Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2016 kerana bercanggah dengan peruntukan di bawah Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah selaras dengan pandangan Jabatan Peguam Negara (AGC) bahawa Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa agama individu berumur bawah 18 tahun boleh ditentukan secara *unilateral* oleh ibu, bapa atau penjaga.

Berhubung dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi pada tahun 2018, Kementerian ini sedia maklum mengenai pembatalan penukaran agama secara *unilateral conversion* bagi lima (5) orang individu berumur bawah 18 tahun. Sehubungan dengan itu, cadangan untuk memasukkan Seksyen 88A telah diteliti semula bersama dengan Jabatan Peguam Negara (AGC). Hasil penelitian tersebut menyimpulkan bahawa Mahkamah sebagai Badan Kehakiman mempunyai kebebasan untuk mentafsirkan sesuatu peruntukan perundangan dan keputusan Mahkamah Persekutuan akan mengikat keputusan mahkamah bawahan.

Penukaran agama khususnya kepada agama Islam oleh individu berumur bawah 18 tahun merupakan suatu isu yang sensitif dan perlu ditangani secara berhati-hati kerana ia boleh memberikan impak secara tidak langsung kepada keharmonian kaum di Malaysia. Justeru, Kerajaan akan mengkaji cadangan pindaan Akta 164 bagi memasukkan semula Seksyen 88A sekiranya terdapat keperluan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR  
[SETIU]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR [SETIU]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana aspek penguatkuasaan dijalankan bagi penjualan ubat antibiotik yang semakin berleluasa sedangkan ia tersenarai dalam Kumpulan B mengikut Akta Racun 1952 dan hanya boleh didapati dengan kebenaran doktor.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Penjualan atau pembekalan racun kumpulan B untuk tujuan rawatan perlu mematuhi peruntukan di bawah Seksyen 21 Akta Racun 1952. Penjualan racun termasuk antibiotik di bawah kumpulan B untuk tujuan rawatan oleh ahli farmasi berlesen hanya boleh dilakukan berdasarkan preskripsi daripada pengamal perubatan berdaftar, pengamal pergigian berdaftar atau doktor veterinar seperti peruntukan di bawah Seksyen 21 Akta Racun 1952.
2. KKM melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi sentiasa menjalankan pemeriksaan rutin ke atas premis-premis berlesen bagi memastikan kepatuhan pelesen-pelesen terhadap undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM. Bagi premis-premis yang didapati melanggar Seksyen 21 Akta Racun 1952, tindakan susulan seperti pengeluaran surat peringatan dan amaran, pemeriksaan susulan, risikan atau operasi dan tindakan lain-lain



**akan diambil** berdasarkan pelanggaran yang dilakukan oleh premis tersebut.

3. Bagi tahun 2018, sebanyak **3907 pemeriksaan dijalankan** ke atas premis dengan Lesen Jenis A dan **662 tindakan susulan telah diambil** hasil penemuan pemeriksaan tersebut. Manakala bagi tahun 2019 sebanyak **4091 pemeriksaan dijalankan** ke atas premis Lesen Jenis A dan **858 tindakan susulan telah diambil**. Manakala, sehingga 31 Ogos 2020, **3209 pemeriksaan** ke atas premis Lesen Jenis A telah dijalankan dan **398 tindakan susulan** telah diambil.

4. Orang awam boleh mengemukakan laporan dan menyalurkan maklumat berkaitan penjualan racun termasuk antibiotik yang disyaki melanggar undang-undang kepada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi atau Cawangan Penguatkuasaan Farmasi di negeri-negeri ATAU melalui talian 03-78413200 agar tindakan sewajarnya dapat diambil oleh KKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI ABDUL (SUNGAI PETANI)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa orang yang telah ditahan dan dihadapkan ke mahkamah sejak 2010 kerana menggunakan media sosial dalam menghina dan menfitnah yang melanggar undang-undang yang sedia ada.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman, berdasarkan rekod polis, sebanyak 2,169 kertas siasatan telah dibuka sejak tahun 2010 sehingga 30 September 2020 kerana kesalahan menggunakan media sosial untuk menghina dan menfitnah. Daripada jumlah ini, seramai 106 individu telah berjaya dituduh di mahkamah di atas kesalahan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR WAN AZIZAH (PANDAN)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kebajikan warga penjara terjamin apabila penularan kes COVID-19 yang membimbangkan di dalam tiga penjara di Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menghadapi penularan wabak COVID-19, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Penjara Malaysia sentiasa mengambil berat tentang kebajikan anggota penjara termasuk banduan yang terlibat semasa mereka menjalani kuarantin wajib di beberapa institusi penjara yang terkesan dengan wabak ini.

Jabatan Penjara Malaysia juga telah mengarahkan agar semua institusi penjara mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berhubung keperluan pelaksanaan ujian *swab* kepada anggota dan ahli keluarga anggota serta banduan, yang mempunyai kontak rapat dengan individu yang positif COVID-19.

Di samping itu, beberapa inisiatif juga diambil bagi maksud pengurusan kebajikan dan kesihatan banduan dan kakitangan penjara seperti:

**a. Pentadbiran Penjara**

- i. Jawatankuasa Urusetia Pengurusan Krisis COVID-19 diwujudkan dan diaktifkan;
- ii. Blok-blok yang melibatkan banduan positif dijadikan kawasan *lockdown*;
- iii. Pengoperasian Penjara Sementara diwujudkan bagi mengelakkan kesesakan;
- iv. Mewujudkan pangkalan (*base*) untuk anggota KKM di kawasan berhampiran untuk merawat banduan yang tidak kritikal di blok penempatan;
- v. Membuat sanitasi dalam dan luar penjara sebanyak 2 (dua) kali sehari; dan
- vi. Mewujudkan Tabung COVID-19 Jabatan Penjara Malaysia bagi tujuan membantu anggota dan juga ahli keluarga anggota yang dijangkiti dan yang terkesan akibat wabak COVID-19.

**b. Pengurusan logistik**

- i. Penyediaan kelengkapan *Personal Protective Equipment* (PPE) yang mencukupi untuk kegunaan kakitangan dan banduan;
- ii. Penyediaan makanan banduan menggunakan bekas pakai buang;
- iii. Membuat sewaan kenderaan yang diperlukan bagi tujuan pergerakan tambahan semasa krisis;

- iv. Menyediakan tempat rehat pegawai yang dilengkapi dengan kemudahan asas; dan
- v. Kemudahan mesin basuh dan mesin pengering diwujudkan di dalam penjara.

**c. Pengurusan anggota**

- i. Membuat atur tugas secara bergilir mengikut divisyen;
- ii. Menyediakan makan minum kepada pegawai bertugas dengan menggunakan pembekal luar;
- iii. Pembekuan cuti anggota;
- iv. Anggota KKM, Pegawai Psikologi dan Kaunseling Penjara menjalankan pengurusan *stress* dan pengurusan emosi terhadap anggota; dan
- v. Mendapatkan anggota bantuan daripada penjara berhampiran sekiranya anggota sedia ada di penjara terlibat tidak mencukupi.

**d. Pengurusan banduan**

- i. Banduan sedia ada dalam penjara tidak dibenarkan keluar penjara kecuali bagi tujuan rawatan;
- ii. Pergerakan dalam penjara dihadkan kecuali banduan kerja dapur dan banduan kebersihan;
- iii. Lawatan / perjumpaan keluarga secara bersemuka banduan dibatalkan dan digantikan dengan panggilan melalui *Wartel / MyFon* serta aplikasi *Zoom* bagi banduan yang tidak dikuarantin; dan
- iv. Perjumpaan peguam ditangguhkan sementara.

Selain itu, Jabatan Penjara Malaysia juga telah melaksanakan langkah-langkah bagi perkara seperti berikut:

**a. Perkara dibenarkan**

- i. Kemasukan Pegawai Perubatan di penjara;
- ii. Kemasukan pegawai penjara yang tinggal di luar kuarters untuk bertugas;
- iii. Kemasukan kenderaan barangan makanan dan keperluan asas;
- iv. Kemasukan pegawai yang mengurus proses nyahkuman;
- v. Kemasukan kakitangan bantuan dari lain-lain penjara; dan
- vi. Pembelian barangan secara atas talian (*on-line*).

**b. Perkara tidak dibenarkan**

- i. Kemasukan banduan baru;
- ii. Sebarang perjumpaan dengan banduan; dan
- iii. Semua aktiviti luar melibatkan banduan.